



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Peredaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +60 3 8956 8000 Fax: +60 3 8956 1000
Website : www.mcmc.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

Untuk Siaran Segera

MCMC: PEMILIK LAMAN LUCAH TEMPATAN TIDAK AKAN TERLEPAS

CYBERJAYA, 7 Julai 2015 --- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menegaskan, laman-laman lucah yang beroperasi di Malaysia dan pemilik-pemiliknya yang dapat dikenal pasti berada di negara ini tidak akan terlepas daripada tindakan undang-undang.

Menurut Ketua Bahagian Pemantauan dan Penguatkuasaan MCMC, Zulkarnain Mohd Yasin, seramai sembilan individu telah berjaya dihadapkan ke mahkamah sejak 2010 dan dikenakan denda serta penjara kerana kesemua mereka didapati melanggar Seksyen 211 (1) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Beliau berkata, MCMC sangat serius dalam menangani masalah kandungan pornografi dalam talian lebih-lebih lagi jika ia melibatkan kanak-kanak dan remaja bawah umur. Buktinya, MCMC telah mengarahkan pentadbir laman sesawang 'sexpornimage' untuk menurunkan sebanyak 392 pelokasi sumber seragam atau *URL* dalam kes penyebaran gambar kanak-kanak kepada beberapa selebriti terkenal, baru-baru ini. Tambahnya, syarikat telekomunikasi juga memberi kerjasama yang baik apabila diminta untuk membantu kami menyiasat.

"Walaupun proses pendakwaan mengambil masa yang agak panjang, ia bukan penghalang. Saya juga ingin beri amaran kepada mereka yang sedang menjalankan aktiviti ini agar memberhentikan kegiatan mereka dengan segera atau tunggu sahaja pegawai penguatkuasa MCMC dan Polis datang ke rumah mereka," tegas Zulkarnain.

Bagi laman-laman lucah yang berpangkalan di luar negara pula, Zulkarnain menjelaskan tindakan yang akan diambil oleh MCMC adalah mengarahkan syarikat-syarikat telekomunikasi untuk menyekat. "Sekatan bukanlah jalan yang paling berkesan kerana terdapat pelbagai cara untuk memintas tetapi buat masa ini ia masih dapat membendung limpahan kandungan lucah dan pornografi daripada terus ditonton atau dimuat turun di negara ini. Cara yang terbaik ialah mengawal diri sendiri daripada mencari bahan lucah di internet," katanya.

Berikut adalah maklumat mengenai kes-kes yang mana individu terlibat telah dijatuhi hukuman denda dan/atau penjara sejak 2010:-

INDIVIDU/LAMAN SESAWANG	HUKUMAN
Maslina Hashim/3gpmelayu.com	11/10/2010: Mengaku salah dan dikenakan hukuman denda sejumlah RM5,000.00.
Tajulzairi Tajuddin/wanitamelayu2u	27/05/2010: Mengaku salah dan dikenakan hukuman denda sejumlah RM30,000.00.
Samsudin Salleh/zulshah103	01/10/2013: Mengaku salah dan Mahkamah mengeluarkan arahan Perintah Kehadiran Wajib bagi



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Parasaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Malaysia
Tel: +60 3 8988 8000 Fax: +60 3 8988 1000

Website : www.mcmc.gov.my

Kenyataan Media

Press Release

	tempoh 3 bulan selama 4 jam sehari dengan jaminan bon tanpa cagaran sebanyak RM2,000.00 dengan seorang penjamin.
Kuan Wai Oon/rm1069	11/05/2015: Mengaku salah dan dikenakan hukuman denda RM30,000.00 dan sekiranya gagal bayar 4 bulan penjara.
1.Amrizal Muhaimin 2.Muhamad Muhaimin/ lucahteruk	07/05/2015: Kedua-duanya mengaku bersalah dan Mahkamah telah menjatuhkan hukuman penjara selama 3 bulan bagi kedua-duanya. Walaubagaimanapun sebagai ganti Perintah Kehadiran Wajib (PKW) di Jabatan Parol dikenakan kepada kedua-duanya. PKW 2 jam sehari sehingga 5 hari bekerja selama 3 bulan bagi OKS (1) dan selama 2 bulan bagi OKS (2) dengan seorang penjamin.
Mohd Fakhrulradzi/jomml	18/05/2015: Mengaku salah dan dikenakan dengan RM5,000.00 dan sekiranya gagal bayar 6 bulan penjara dari tarikh jatuh hukum.
Asnizukacaras Saari/ yamanisalimvideo2013	28/5/2015: Mengaku salah dan dikenakan hukuman denda RM18,000.00, gagal bayar 1 bulan penjara. OKS gagal membayar denda yang dikenakan dan telah dihantar ke Penjara Kajang untuk menjalani hukuman.
Baderol Sham Mohd Tahir/ kaki3gpmelayu	21/06/2015: Mengaku salah dan dikenakan hukuman denda sejumlah RM4,000.00 dan sekiranya gagal membayar denda akan dikenakan 6 bulan penjara bagi kesalahan pertama di bawah Seksyen 211(1) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Manakala bagi kesalahan kedua di bawah Seksyen 292(a) Kanun Keseksaan, OKS telah dijatuhkan hukuman denda RM1,000.00 dan penjara (1) satu hari. OKS telah dibawa ke Penjara Pokok Sena, Kedah untuk dilaksanakan hukuman penjara.

TAMAT

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari www.mcmc.gov.my dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:
Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: scd@cmc.gov.my